

Thailand teruskan tugas mempromosi dan melindungi hak asasi manusia



Delegasi Thailand yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Keadilan Charnchao Chaiyanukij, akan mengambil bahagian dalam Kitaran Kedua bagi Penilaian Berkala Sejagat (UPR) pada Sesi ke-25 Kumpulan Kerja UPR di Geneva, Switzerland.

Semasa penilaian kitaran kedua, yang dijadualkan pada 11 Mei 2016, delegasi Thai akan bertukar-tukar pandangan dan menerima komen yang berguna dari negara-negara yang mengambil bahagian, untuk meneruskan kerja-kerja dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di negara ini.

Ia terdiri daripada wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, iaitu Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kehakiman, Pejabat Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia, Kementerian Buruh, Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan Teknologi Komunikasi, Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Thai dan Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan.

Menurut Kementerian Luar Negeri, UPR adalah satu mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia, di mana keadaan hak asasi manusia secara keseluruhan bagi sesebuah negara akan dikaji semula oleh negara-negara lain. Negara yang ditinjau juga akan menerima komen dan cadangan daripada negara-negara lain, memberi ikrar sukarela, dan melaporkan kemajuan dalam pelaksanaan cadangan yang diterima kepada Kumpulan Kerja UPR setiap empat dan setengah tahun.

Thailand memberi kepentingan yang besar kepada UPR, kerana ia adalah satu proses yang membolehkan semua anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam sama-sama mengambil bahagian dan memberi komen serta cadangan kepada antara satu sama yang lain dalam usaha untuk terus menggalakkan dan memperbaiki kedudukan hak asasi manusia di negara yang dikaji.

Laporan UPR pusingan pertama dibentangkan pada Oktober 2011 dan telah menerima 134 cadangan bersama-sama dengan pengumuman lapan ikrar sukarela. Negara ini juga mengemukakan kemas kini jangka pendek sukarela kepada Majlis Hak Asasi Manusia pada bulan Jun 2014.

Thailand menyerahkan laporan kitaran kedua kepada Majlis Hak Asasi Manusia pada 4 Februari 2016. Laporan itu disediakan melalui penyertaan aktif daripada semua sektor, termasuk masyarakat awam dan perundingan awam dalam semua kawasan di negara ini.

Ia meliputi pelbagai isu-isu hak asasi manusia di Thailand dalam semua aspek iaitu ekonomi, hak-hak sosial dan budaya, hak-hak sivil dan politik, dan hak-hak golongan tertentu. Laporan itu juga menekankan perkembangan penting, kejayaan, cabaran dan hala tuju masa depan untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Thailand.